

25/10/1999

Seri Paduka hadiri santapan diraja

PEKAN, Ahad - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, menghadiri Majlis Santapan Diraja sempena perayaan Jubli Perak Pemerintahan Sultan Pahang dan Hari Keputeraannya ke-69 di Dewan Mulia Istana Abu Bakar, di sini, malam tadi.

Pasangan diraja itu antara kira-kira 2,500 tetamu yang menghadiri majlis berkenaan.

Tetamu istimewa lain ialah Sultan Brunei dan semua sultan kecuali Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa Menteri Kabinet termasuk Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, ketua menteri dan menteri besar.

Semua kerabat diraja Pahang, duta luar negara, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai dan bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar.

Hadirin majlis itu dihiburkan beberapa artis terkenal termasuk Siti Nurhaliza, Yusni Hamid, Jay Jay, Noraniza Idris dan Liza Hanim.

Acara kemuncak majlis itu ialah memotong kek Jubli Perak dan Hari Keputeraan oleh Sultan Pahang diiringi Sultanah Pahang dan semua anak Sultan Pahang.

(END)